

UTHM berjaya kumpul RM14,500 untuk YKTLJ



Perarakan Town n Gown yang diadakan sempena Konvokesyen UTHM Kali Ke-17 membabitkan 26 kontinjen yang berarak dari Jalan Rahmat ke Dataran Penggaram.

BATU PAHAT - Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) berjaya mengumpulkan RM14,500 untuk disalurkan kepada Yayasan Kanser Tunku Laksamana Johor (YKTLJ).

Sumbangan itu diperoleh menerusi program amal sempena Perarakan Town n Gown kali ke-9, baru-baru ini.

Naib Canselor UTHM, Profesor Dr Wahid Razzaly berkata, pelbagai aktiviti diselitkan bagi menyumbang kepada yayasan berkenaan seperti *Charity Fun Run* dan pertandingan *Junior Cake Boss*.

Menurutnya, sumbangan yang diterima di luar jangkaan kerana pihaknya hanya menyasarkan jumlah kutipan sebanyak RM10,000.

"Sumbangan ini diberikan penduduk setempat, kakitangan UTHM, pelajar dan juga mereka

yang mengunjungi program Town n Gown di Jalan Rahmat dan Dataran Penggaram.

"Setiap suruhanjaya penyertaan bagi *Charity Fun Run* kami serahkan kepada YKTLJ, selain hasil jualan lelong kek bagi pertandingan *Junior Cake Boss*.

"Malah lebih membanggakan Pengurus Jawatankuasa Kesihatan dan Alam Sekitar, Pendidikan dan Penerangan, Datuk Ayub Rahmat turut menyumbang sebanyak RM2,000," katanya.

Beliau berkata demikian dalam sidang media Town n Gown di Rumah Kelab Batu Pahat yang turut dihadiri Ayub, Ahli Lembaga Pengarah YKTLJ, Datuk Dr Mohd Khairi Yakub; Pegawai Daerah Batu Pahat, Ab Han Ramin dan Pendaftar UTHM, Abdul Halim Abdul Rahman.